



UPM Pamer Lukisan Batik Pelajar



Pelajar UPM melihat hasil batik canting yang dipamerkan pada majlis tersebut.

SERDANG, 9 April – Sebanyak 100 lukisan batik canting karya 128 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dipamerkan pada Pameran Batik Canting di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Penyelaras Komponen Badan Beruniform, Seni Budaya, Kemahiran dan Keterampilan Pusat Kokurikulum UPM, Dr. Paramasivam Muthusamy berkata program tiga hari itu bertujuan mendedahkan warga UPM tentang kesenian dan batik Malaysia hasil bakat pelajar UPM.

"Program ini anjuran pelajar kursus Batik Canting yang dikelolakan oleh Pusat Kokurikulum UPM dengan dibantu oleh empat jurulatih dan diharapkan penganjuran pameran ini dapat memberi inspirasi kepada warga kampus meminati aktiviti seni terutamanya batik ini," katanya ketika menutup majlis tersebut.

Pelajar tahun dua Bachelor Sains dan Teknologi Makanan yang juga pengarah, Nurdianah Fatin Ruslan berkata terdapat dua teknik yang digunakan semasa mempelajari batik canting iaitu teknik conteng dan canting.

"Kami melukis menggunakan pensel terlebih dahulu di atas kain 'Kaftan' sebelum mencanting (alat untuk melukis) dengan cairan lilin dan damar serta berus untuk mewarna.

"Biasanya kami mengambil masa satu ke dua minggu untuk menyiapkan satu batik canting bagi ukuran 15 X 15 inci (individu) dan batik berukuran 1.5 meter X 1 meter (kumpulan)," katanya yang mahu membuka perniagaan batik pada satu masa nanti.

Beliau berkata walaupun penghasilan batik canting mengambil masa yang lama dan kosnya mahal tetapi lebih halus dan teliti serta mempunyai tiga hingga empat lapisan berbanding batik cop.

Batik canting merupakan seni lukisan tangan yang dicoret indah di atas sehelai kain putih dengan bermotifkan ciri-ciri seperti flora dan bentuk geometri yang mempunyai maksud tertentu.



Antara hasil batik canting yang dipamerkan.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.